

PERINTAH- PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL



PERINTAH-PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL

Tribunal Tuntutan Kecil (SCT) menyediakan forum yang cepat dan tidak mahal untuk penyelesaian bagi pertikaian tuntutan kecil.

Jenis-jenis perintah lazim SCT

Perintah bayaran: Apabila perintah bayaran dikeluarkan, satu pihak harus membayar kepada pihak yang lain jumlah wang yang dinyatakan dalam perintah tersebut sebelum tamat tempoh tarikhnya, dan jika gagal, pihak yang berhak dibayar boleh memulakan prosiding penguatkuasaan terhadap pihak yang ingkar.

Perintah ingkar: Perintah ingkar boleh dibuat apabila mana-mana pihak gagal untuk hadir atau menghadiri perundingan yang dijadualkan atau perbicaraan di SCT. Perintah ingkar boleh berupa perintah bayaran atau perintah penolakan. Apabila responden gagal untuk hadir, perintah bayaran ingkar boleh dibuat yang memihak kepada pihak menuntut. Apabila pihak yang menuntut gagal untuk hadir, perintah penolakan ingkar boleh dibuat terhadap pihak yang menuntut.

Perintah kerja: Apabila perintah kerja dikeluarkan, satu pihak mesti melaksanakan kerja yang dinyatakan dalam perintah tersebut sebelum tamat tempoh tarikhnya, dan jika gagal, pihak yang berhak ke atas kerja tersebut boleh memfailkan permohonan untuk mengubahnya di SCT atau menguatkuasakan perintah kerja tersebut di Mahkamah Daerah.

Perintah persetujuan: Perintah persetujuan boleh dikeluarkan apabila pihak terbabit bersetuju untuk menyelesaikan beberapa atau semua perkara yang dipertikaikan dalam tuntutan atau prosiding semasa perundingan atau perbicaraan. Perintah persetujuan merekod terma-terma persetujuan semua pihak.

Perintah penamatatan: Perintah penamatatan boleh dibuat apabila SCT mendapati bahawa tuntutan itu bukan dalam bidang kuasa SCT. Prosiding-prosiding SCT yang berkaitan dengan tuntutan yang ditamatkan akan berhenti.

Perintah-perintah SCT dikuatkuasakan sebagai perintah-perintah Mahkamah Daerah.

Pertimbangan sebelum anda menguatkuasa

- > Adakah berbaloi untuk menguatkuasakan perintah tersebut? Sila ambil perhatian bahawa anda perlu mengetepikan masa, usaha dan wang untuk membuat permohonan yang diperlukan untuk menguatkuasakan perintah tersebut dan keputusannya tidak terjamin.

- > Yuran yang dibayar kepada Mahkamah Negara dalam prosiding penguatkuasaan tidak boleh dipulangkan.
- > Adakah pada masa ini terdapat sebarang prosiding penguatkuasaan oleh orang lain terhadap responden?
- > Pernahkah responden diisyiharkan sebagai muflis*?
- > Periksa jika responden masih "wujud" dalam rekod Pengguna Pengawalan Perakaunan dan Korporat atau jika ada prosiding pembubaran syarikat yang sedang berlaku terhadap responden.

(Anda boleh mencari maklumat di atas di LawNet & Biro Perkhidmatan CrimsonLogic, Mahkamah Negara, 1 Havelock Square, Tingkat 2, Singapura 059724)

*Sekiranya anda atau pihak yang satu lagi terlibat dalam prosiding-prosiding kemufusan, pembubaran syarikat, jabatan pemegang amanah awam atau pengurusan kehakiman, sila dapatkan nasihat guaman anda sendiri mengenai tindakan-tindakan yang sedia ada.

Penguatkuasaan Perintah Bayaran

Jika sesuatu pihak gagal membayar atau gagal mematuhi perintah bayaran, anda boleh mempertimbangkan untuk menguatkuasakan perintah tersebut. Orang yang memohon untuk menguatkuasakan suatu perintah dikenali sebagai "Pemutang Penghakiman", manakala pihak yang satu lagi dikenali sebagai "Penghutang Penghakiman".

Pengubahan dan Penguatkuasaan Perintah Kerja

Jika sesuatu pihak gagal mematuhi perintah kerja, anda boleh mengambil langkah untuk mengubah perintah tersebut di Sistem Tribunal dan Keadilan Masyarakat (CJTS) dengan mengklik "Permohonan Dalam Talian", diikuti dengan "SCT" dan melengkapkan e-perkhidmatan bagi "Permintaan untuk mengubah perintah kerja". Pihak-pihak terbabit akan dimaklumkan tarikh untuk menghadiri perbicaraan di hadapan Majistret Tribunal. Sebagai pilihan lain, anda boleh memohon untuk menguatkuasakan perintah kerja tersebut di Mahkamah Daerah dengan memfailkan permohonan dalam sistem eLitigasi. [klik di sini untuk maklumat lanjut mengenai proses eLitigasi.]

Penguatkuasaan

Perintah untuk pembayaran wang lazimnya dikuatkuasakan melalui:

Writ Penyitaan dan Penjualan

Writ penyitaan dan penjualan membenarkan bailif mahkamah memasuki premis Penghutang Penghakiman, serta menyita dan menjual harta alih miliknya. Penghutang Penghakiman kemudiannya akan mempunyai 7 hari untuk menyelesaikan semua bayaran yang terhutang kepada Pemutang Penghakiman. Jika bayaran tidak dibuat, Pemutang Penghakiman boleh memohon untuk meneruskan dengan penjualan lelong barang-barang yang dirampas dan mendapatkan semula wang daripada penjualan tersebut.

Pilihan ini boleh dipertimbangkan jika Pemutang Penghakiman mengetahui bahawa Penghutang Penghakiman mempunyai aset-aset fizikal dengan nilai yang mencukupi, yang boleh dijual untuk mendapatkan semula kos penguatkuasaan, dan membayar jumlah yang terhutang seperti yang dinyatakan dalam perintah tersebut. Tiada jaminan bahawa writ penyitaan dan penjualan akan berjaya dilaksanakan, dan tiada jaminan bahawa jumlah yang terhutang serta perbelanjaan yang ditanggung semasa proses pelaksanaan akan didapatkan kembali. Pertanyaan boleh dibuat di Hab Perkhidmatan Mahkamah Negara di tingkat 2 semasa waktu operasi.

Prosiding Garnisi

"Garnisi" adalah seseorang yang berhutang wang kepada Penghutang Penghakiman (contohnya bank beliau). Perintah Garnisi mewajibkan garnisi tersebut membayar Pemutang Penghakiman dan bukannya Penghutang Penghakiman. Contohnya, permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah untuk memerintahkan bank Penghutang Penghakiman membayar Pemutang Penghakiman jumlah terhutang seperti yang dinyatakan dalam perintah tersebut. Namun, ini dengan syarat Penghutang Penghakiman mempunyai wang yang mencukupi di dalam bank.

Pilihan ini boleh dipertimbangkan jika Pemutang Penghakiman mengetahui akan seseorang (mana-mana pihak ketiga) yang berhutang wang dengan Penghutang Penghakiman, dan jika Pemutang Penghakiman mengetahui butiran akaun bank Penghutang Penghakiman. Perlu ada bukti-buktii berbentuk dokumen bahawa terdapat hutang yang tertunggak kepada Penghutang Penghakiman oleh banknya atau pihak ketiga yang lain. Pertanyaan boleh dibuat di Hab Perkhidmatan Mahkamah Negara di tingkat 2 semasa waktu operasi.

Pra-Penguatkuasaan

Pemeriksaan Penghutang Penghakiman

Pemutang Penghakiman boleh mempertimbangkan untuk memohon Pemeriksaan ke atas Penghutang Penghakiman, untuk memeriksa Penghutang Penghakiman di bawah akan bersumpah bagi mengetahui apakah aset-aset yang ada yang boleh digunakan untuk melunaskan hutang penghakiman (sama ada beliau mempunyai harta benda yang berharga untuk dijual, atau sama ada beliau mempunyai wang di dalam bank, atau apakah butir-butiran akaun banknya).


Setelah Pemutang Penghakiman mengetahui jenis dan sebanyak manakah aset-aset Penghutang Penghakiman, beliau kemudian boleh pertimbangkan dan pilih tindakan yang paling sesuai untuk menguatkuasakan perintah bayaran.

MENGETEPIKAN PERINTAH INGKAR

Apa yang boleh saya lakukan sekiranya saya tidak berpuas hati dengan sesuatu perintah?

Sekiranya anda tidak hadir semasa perintah bayaran ingkar ataupun perintah penolakan ingkar dibuat terhadap anda, anda boleh memfailkan permohonan untuk mengetepikan perintah tersebut. Permohonan itu mesti dibuat dalam tempoh 1 bulan dari tarikh perintah tersebut dibuat. SCT mempunyai budi bicara untuk membenarkan tempoh yang lebih lama bergantung kepada merit permohonan itu. Semua pihak akan dimaklumkan di CJTS tentang tarikh perbicaraan permohonan itu.

Harap maklum bahawa pemfailan sesuatu permohonan untuk mengetepikan sesuatu perintah tidak bermakna bahawa perintah tersebut akan diketepikan secara automatik. Keputusan akan dibuat semasa perbicaraan permohonan tersebut. Berikut adalah proses permohonan mengetepikan perintah secara umumnya:



Rayuan terhadap perintah Pendaftar

Sesuatu pihak boleh membuat rayuan terhadap perintah yang dibuat oleh Pendaftar ataupun Pembantu Pendaftar di perundingan. Rayuan tersebut boleh dibuat dengan memfailkan notis rayuan dalam masa 1 bulan dari tarikh perintah tersebut dibuat. Yuran pemfailan sebanyak \$20 harus dibayar untuk memfailkan rayuan tersebut.

Rayuan terhadap perintah Majistret Tribunal

Sesuatu pihak juga boleh membuat rayuan terhadap perintah Majistret Tribunal. Pihak tersebut harus memohon izin (kebenaran) daripada Mahkamah Daerah untuk merayu. Permohonan tersebut harus dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah tribunal tersebut dibuat, dan tiada perlanjutan masa boleh diberikan. Sebaik sahaja keizinan telah diberikan, pihak tersebut boleh memfailkan rayuan kepada Divisyen Umum Mahkamah Tinggi. Yuran pemfailan S\$100 harus dibayar untuk permohonan keizinan membuat rayuan, dan yuran pemfailan sebanyak S\$600 harus dibayar untuk pemfailan notis rayuan kepada Divisyen Umum Mahkamah Tinggi.

Penafian: Penerbitan ini dihasilkan untuk maklumat umum sahaja dan bukan untuk menggantikan nasihat guaman. Seorang peguam perlu dirujuk sekiranya anda memerlukan nasihat guaman mengenai kes anda. Mahkamah Negara menyangkal sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada dan berkaitan dengan kandungan penerbitan ini.

Segala maklumat tepat pada **26 Januari 2024**.

MAHKAMAH NEGARA

1 Havelock Square
Singapura 059724
Tel: 6 JUSTICE (65878423)
www.judiciary.gov.sg